



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 2 Januari 2004

Bilangan 1/2004

Ruj: UMS/PN2.1/P5/2

LARANGAN MEROKOK DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan sebagai pelaksanaan mengenai arahan Kerajaan terhadap larangan merokok di Institut Pengajian Tinggi Awam.

2.0 KANDUNGAN

- 2.1 Kerajaan Malaysia melalui Peruntukan Undang-undang Akta Makanan 1983 yang merujuk kepada Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 1997 telah mengisytiharkan semua Institusi Pengajian Tinggi Awam sebagai kawasan larangan merokok.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, dengan ini dimaklumkan seluruh kawasan kampus dan Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah tertakluk kepada arahan ini.
- 2.3 Arahan ini berkuatkuasa kepada seluruh kakitangan dan pelajar Universiti, serta kepada orang ramai yang berada di kawasan Universiti Malaysia Sabah. Bagi kakitangan dan pelajar yang didapati tidak mematuhi arahan ini, boleh disabitkan kesalahan dan akan dikenakan tindakan tatatertib jika didapati bersalah.

3.0 PENUTUP

- 3.0 Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta dan semua Ketua Jabatan diminta memastikan semua kakitangan dan pelajar mematuhi arahan yang telah dikeluarkan.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Sekian. Terima Kasih.

Yang ikhlas



HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik)
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)